

Raja Perlis titah tumpu bangun negeri

» Gesa semua pihak lupakan sentimen politik, laksana amanah diberikan

BH/8-5-13/ari/1/al Ps - Perlis
maju 2015

Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@mediaprima.com.my

Istana Arau

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Sved Putra Jamallullail, mahu semua wakil rakyat di negeri ini melupakan politik kepartian dan menumpukan kepada usaha membangunkan Perlis untuk manfaat rakyat.

Baginda juga bertitah semua wakil rakyat memberi sokongan sepenuhnya kepada Menyeni Besar, Azlan Man, yang baru dilantik kerana ia penting demi pembangunan negeri yang bakal membawa manfaat kepada rakyat.

Sokong MB baru

"Beta mahu semua pihak melupakan politik kepartian kerana apa yang lebih penting adalah pembangunan negeri dan rakyat. Semua pihak harus memberikan sokongan kepada Menteri Besar yang baru dilantik supaya negeri ini akan terus mara ke hadapan.

"Untuk menjadi seorang ber-



pangkat tinggi memang senang, tetapi untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah, itu yang susah. Amanah yang kita pegang sangat berat kepada Tuhan, Raja, serta sesama wakil rakyat dan orang bawahan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian selepas menyampaikan watikah perlantikan Menteri Besar Perlis kepada Azlan yang juga



Azlan (dua dari kiri) **dipeluk rakan ketika hadir pada majlis mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perlis di Istana Arau, semalam.**

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pauh di Istana Arau di sini, semalam.

Majlis itu turut disaksikan 12 ADUN lain kecuali ADUN Tambun Tulang, Ismail Kassim, ADUN Indera Kayangan, Chan Ming Kai dan ADUN Sanglang, Mohd Shukri Ramli.

Ambil kira cadangan

Raja Perlis juga bertitah, baginda tidak ada halangan untuk melantik mana-mana wakil rakyat

sebagai Menteri Besar, namun tetap mengambil kira cadangan ketua parti memerintah dan dalam kes di Perlis ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Beta sudah bosan setiap kali selepas PRU pasti akan timbul isu dalam soal pelantikan Menteri Besar.

"Jadi, beta tidak mahu lagi cerita dongeng pelantikan ini ditimbulkan serta berharap soalan isu 'senior' tidak dilantik tidak akan timbul lagi," titah baginda.